

Pembentukan Istilah dan Stratifikasi Aristokrat Melayu Selangor Era Sultan Salehuddin, Sultan Selangor Pertama, 1766-1782

*(The Formation of the Terms and Stratification of the Selangor Malay Aristocracy
in the Era of Sultan Salehuddin, First Sultan of Selangor, 1766-1782)*

AHMAD FARHAN ABDULLAH ZAKARIA & MOHD. SAMSUDIN

ABSTRAK

Istilah dan stratifikasi aristokrat Melayu Selangor dibentuk pada November 1766. Namun begitu, ia kurang diketengahkan oleh J. M. Gullick (1998), Khoo Kay Kim (1985), Barbara Watson Andaya (1974), Mohd. Yusoff Hashim (2001) dan Abdullah Zakaria bin Ghazali (1999/2000) menyebabkan Abdur-Razzaq Lubis (2018) kurang memahami hal tersebut. Oleh itu, artikel ini bertujuan memperkenalkan konsep istilah dan stratifikasi aristokrat Melayu Selangor yang dibentuk oleh Sultan Salehuddin ibni Daeng Chelak selaku pengasas kesultanan Selangor yang kurang ditonjolkan dalam disiplin sejarah supaya diketahui umum. Tulisan ini akan menganalisis pembentukan kesultanan Selangor pada November 1766 terlebih dahulu. Kemudian, akan mensintesis perkembangan sebelum tokoh-tokoh tersebut diiktiraf sebagai aristokrat Melayu Selangor. Seterusnya, akan menilai seseorang itu sama ada layak diiktiraf sebagai raja serta orang besar Selangor yang merupakan waris negeri Selangor sekaligus aristokrat Melayu Selangor atau sebaliknya dan stratifikasi golongan ini pada era Sultan Salehuddin. Sumber primer antaranya Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (B/SUK) dan sumber sekunder digunakan bagi menjawab perkara dikemukakan. Secara keseluruhan, istilah ini merangkumi raja dan orang besar Selangor sekaligus merupakan waris negeri Selangor dibentuk secara sah setelah status entiti politik Selangor diiktiraf sebagai sebuah kerajaan negeri berdaulat pada November 1766 yang diasaskan oleh Sultan Salehuddin. Secara lazimnya, stratifikasi dalam komuniti aristokrat Melayu Selangor tidak diamalkan dalam konteks kesultanan Selangor. Namun begitu, ia wujud dalam konteks ini sekiranya diteliti secara mendalam kerana mempunyai lapisan-lapisan tertentu sama ada sebagai raja atau orang besar Selangor bagi membezakan seseorang itu dalam sesebuah komuniti sosial.

Kata kunci: Aristokrat Melayu Selangor; Raja Selangor; Orang Besar Selangor; Sultan Salehuddin ibni Daeng Chelak; Kesultanan Selangor

ABSTRACT

The terms and stratification of the Selangor Malay aristocracy began taking shape in November 1766. However, this development has not been highlighted in the writings of J. M. Gullick (1998), Khoo Kay Kim (1985), Barbara Watson Andaya (1974), Mohd. Yusoff Hashim (2001) and Abdullah Zakaria bin Ghazali (1999/2000) and even Abdur-Razzaq Lubis (2018) had limited understanding of the topic. This article aims to introduce the concept of the terms and stratification of the Selangor Malay aristocracy established by Sultan Salehuddin ibni Daeng Chelak, the founder of sultanate of Selangor, to give this topic its proper place in Malaysian history. This article will first analyse the formation of sultanate of Selangor in November 1766. In addition, it will synthesise the developments prior to the recognition of certain figures as members of the Selangor Malay aristocracy. Furthermore, it will evaluate if someone is eligible or not for recognition as raja and orang besar of Selangor collectively identified as the waris negeri Selangor and the stratification within this community in the Sultan Salehuddin era. The primary sources used in this article include Selangor Secretariat Office (B/SUK), as well as multiple secondary sources. Overall, the terms used include the raja and orang besar of Selangor who are the waris negeri Selangor legally established after the political entity of Selangor was founded by Sultan Salehuddin and recognised as a sovereign kingdom in November 1766.

Generally, the stratification within the Selangor Malay aristocracy is not practised in the context of sultanate of Selangor. Nevertheless, some level of hierarchy was present, especially in identifying the status of raja and orang besar of Selangor within a social community.

Keywords: Selangor Malay Aristocracy; Raja of Selangor; Orang Besar of Selangor; Sultan Salehuddin ibni Daeng Chelak; Sultanate of Selangor

PENGENALAN

Istilah aristokrat diperkenalkan dalam disiplin sosiologi untuk membezakan seseorang dalam komuniti sosial. Namun, istilah ini kurang digunakan dalam perbincangan disiplin sejarah khususnya Malaysia. Pandangan ini dikemukakan kerana pengkaji terdahulu lebih gemar menggunakan istilah raja dan pembesar di Negeri-Negeri Melayu berbanding aristokrat Melayu. Sedangkan, istilah initelah digunakan dalam sejarah Eropah. Berdasarkan perkembangan ilmu sosiologi di Eropah, pentadbir British yang gemar membaca sejarah turut menggunakan istilah ini bagi merujuk golongan raja dan pembesar di Negeri-Negeri Melayu pada abad ke-20.

Walaupun begitu, penggunaan istilah aristokrat dalam sejarah Malaysia tidak menjadi kesalahan kerana boleh digunakan sejak zaman kesultanan Melaka. Malahan, berdasarkan pemaknaan hasil gabungan pendapat George Adami (November 1921), E. Digby Baltzell (1968) serta Robert Ashton (August 1969) dapat disimpulkan istilah aristokrat sebagai sekumpulan manusia yang memiliki status tinggi, berkuasa dan mempunyai pengaruh dalam sistem sosial di kawasan tempat tinggal masing-masing. Berdasarkan pemaknaan tersebut, istilah ini didapati sesuai digunakan untuk merujuk kepada raja dan pembesar di Negeri-Negeri Melayu. Pada masa sama, golongan ini juga mempunyai stratifikasi sosial tersendiri. Misalnya, seseorang daripada jurai bilateral (nisab bapa dan ibu) dan patrilineal (nisab bapa) lebih tinggi kedudukannya dalam kelas sosial berbanding matrilineal (nisab ibu).

Istilah Melayu pula dijelaskan dengan teliti oleh Zaharah Sulaiman, Wan Hashim Wan Teh dan Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman (2016). Antaranya, mereka menyatakan Melayu merupakan bangsa induk yang dikelompokkan dalam ras keluarga kelompok rumpun disebut Melayu Polinesia seperti Melayu Asli, Melayu Kemboja dan Melayu Nusantara. Selain itu, keberadaan bangsa Melayu telah wujud di alam Melayu yang ketika itu dikenali sebagai benua Sunda merangkumi Semenanjung Tanah Melayu,

Sumatera, Jawa, Borneo, Sulawesi, Filipina dan Kemboja sejak 30,000 tahun dahulu yang kemudian, menetap di kedudukan geografi Asia Tenggara pada konteks ini. Kesannya, penggunaan istilah Melayu menjadi dominan di sekitar alam Melayu khususnya Semenanjung Tanah Melayu. Antara rumpun Melayu di sekitar alam Melayu adalah Bugis yang merupakan leluhur kepada kesultanan Selangor yang menetap di Sulawesi Selatan.

Sementara itu, istilah Selangor merujuk kepada sebuah kerajaan negeri dibentuk secara daulat pada November 1766 dengan menggunakan nama sebatang sungai. Penggunaan istilah Selangor dipilih sebagai nama kerajaan negeri kerana Raja Lumu ibni Daeng Chelak, Yamtuan Selangor ketiga, 1743, Raja Selangor pertama, 1743-1766, dan Sultan Selangor pertama, 1766-1782 (seterusnya, Raja Lumu dikenali sebagai Sultan Salehuddin), menjadikan lokasi pentadbiran utamanya di sekitar lembangan Sungai Selangor. Oleh itu, penggunaan istilah Selangor sebagai nama kerajaan negeri baharu adalah sesuai berdasarkan sebatang sungai yang dikenali sebagai Sungai Selangor. Sekiranya mengutip persempadanan Selangor pada konteks ini (2019), ia merangkumi Sungai Bernam hingga Sungai Sepang.

Kekurangan penjelasan terhadap istilah aristokrat Melayu Selangor menyebabkan wujud perselisihan faham mengenai hal tersebut. Misalnya, Dato' Ar Hajeeder Abd Majid (20 April 2017) berpendapat Sutan Puasa adalah waris negeri Selangor walhal hakikatnya merupakan anak dagang dari Sumatera. Begitu juga dengan Abdur-Razzaq Lubis (2018) kurang mengetahui secara mendalam terhadap istilah waris negeri Selangor yang hanya ditumpukan kepada Dato' Ungku Klang. Beliau juga menggunakan istilah raja Bugis dalam penulisannya yang sepatutnya lebih tepat adalah raja Selangor. Pendapat mereka kurang tepat dan perlu diluruskan kerana waris negeri Selangor hanya merujuk kepada aristokrat Melayu Selangor yang merangkumi dua kategori iaitu raja dan orang besar Selangor (B/SUK SEL: SEC: 1710/1925/2, 1903).

Perselisihan faham ini berlaku kerana J. M. Gullick (1998), Khoo Kay Kim (1985),

Barbara Watson Andaya (1974), Mohd. Yusoff Hashim (2001) dan Abdullah Zakaria bin Ghazali (1999/2000) kurang memperincikan istilah aristokrat Melayu Selangor dengan lebih mendalam. Mereka hanya menggunakan istilah raja dan orang besar Selangor secara umum dalam kajian masing-masing. Pada masa sama, mereka kurang meneliti stratifikasi raja dan orang besar Selangor secara mendalam sehingga menyebabkan perselisihan faham berlaku dalam dunia akademik atau sebaliknya. Oleh yang demikian, perkara ini perlu dikaji dengan teliti berdasarkan sumber primer yang diperoleh di Arkib Negara Malaysia dan Arkib Negara United Kingdom.

Namun begitu, perbincangan mereka sangat baik dan mencapai kehendak masing-masing. Menurut Howard Gardner (2006), pandangan pengkaji terdahulu perlu dihormati dan boleh diluruskan sekiranya kurang tepat. Berdasarkan kenyataan Gardner dan permasalahan kajian yang ditimbulkan, tulisan ini bertujuan untuk membuktikan raja dan orang besar Selangor serta keturunannya merupakan aristokrat Melayu Selangor yang sah berdasarkan adat istiadat raja Melayu Selangor pada masa sama dikenali sebagai waris negeri Selangor di samping memiliki stratifikasi sosial yang diasaskan oleh Sultan Salehuddin pada November 1766. Tulisan ini menumpukan era Sultan Salehuddin kerana baginda merupakan pengasas kesultanan Selangor. Oleh itu, baginda merupakan tokoh yang bertanggungjawab memperkenalkan istilah dan stratifikasi raja serta orang besar Selangor dalam kesultanan Selangor. Kesannya, penggunaan istilah dan stratifikasi ini masih kekal diaplikasikan hingga kini.

Sebanyak tiga persoalan kajian dapat dibentuk bagi menjawab perkara dikemukakan sebelum ini. Pertama, apakah dimaksudkan dengan aristokrat Melayu Selangor dalam konteks kesultanan Selangor? Selepas mengetahui maksud tersebut, persoalan kedua yang dapat ditimbulkan ialah siapakah tokoh yang boleh diiktiraf sebagai aristokrat Melayu Selangor? Setelah menjawab kedua-dua persoalan tersebut, persoalan terakhir dapat diutarakan iaitu bagaimanakah cara tokoh tersebut layak digelar sebagai aristokrat Melayu Selangor? Sebanyak tiga objektif kajian pula diusulkan agar dapat menjawab dengan jitu. Tulisan ini akan menganalisis pembentukan kesultanan Selangor pada November 1766 terlebih dahulu. Kemudian, akan mensintesis perkembangan sebelum tokoh-tokoh tersebut diiktiraf sebagai

aristokrat Melayu Selangor. Langkah terakhir, akan menilai seseorang itu sama ada layak diiktiraf sebagai raja serta orang besar Selangor yang merupakan waris negeri Selangor sekaligus aristokrat Melayu Selangor berdasarkan konteks kesultanan Selangor atau sebaliknya dan stratifikasi golongan ini pada era Sultan Salehuddin.

Hasil gabungan pendapat Gardner (2006) dan Rahimah Abdul Aziz (1990) untuk menghasilkan sesebuah tulisan sejarah yang baik perlu memasukkan disiplin lain yang bersesuaian supaya menjadi lebih mantap. Oleh itu, tulisan ini akan menggunakan teori dan pendekatan diamalkan oleh disiplin sosiologi serta sains politik sebagai sokongan dalam memantapkan karya ilmu sejarah. Secara umum, menurut Noran Fauziah Yaakub (1987): teori perubahan sosial bermaksud seseorang yang mengalami perubahan sosial dari sesuatu tempat atau perkara kepada lain sama ada lebih atau kurang baik berdasarkan ciri-ciri tertentu seperti faktor demografi, geografi dan kuasa; mobiliti sosial menegak bermaksud status seseorang yang mengalami perubahan dari bawah ke atas dalam kelas sosial atau pentadbiran; bilateral bermaksud seseorang yang memiliki keturunan melalui jurai bapa dan ibu; patrilineal bermaksud seseorang yang memiliki keturunan melalui jurai bapa; dan matrilineal bermaksud seseorang yang memiliki keturunan melalui jurai ibu adalah sesuai digunakan untuk perbincangan artikel ini.

Artikel ini bersifat sejarah, berbentuk tematik dan menggunakan pendekatan penyelidikan kualitatif. Penggunaan sumber primer bagi menjawab perkara dikemukakan boleh didapatkan di Arkib Negara Malaysia dan Arkib Negara United Kingdom seperti Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (B/SUK), Colonial Office (CO) dan Foreign and Commonwealth Office (FCO). Sumber sekunder pula didapatkan di Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), dan Perpustakaan Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), UKM, dijadikan sebagai rujukan untuk perbandingan sama ada menerima atau menolak pendapat-pendapat diutarakan dalam penulisan masing-masing. Bagi mengupas perkara tersebut, kajian ini akan membahagikan sebanyak lima subtopik iaitu kerajaan negeri Selangor sebelum November 1766, kedatangan aristokrat Bugis dari kerajaan Luwu' ke Johor, pembentukan istilah raja Selangor, pembentukan istilah orang besar Selangor dan stratifikasi aristokrat Melayu Selangor.

KERAJAAN NEGERI SELANGOR SEBELUM NOVEMBER 1766

Majoriti pengkaji bertaraf autoriti seperti Andaya (1974), Khoo (1985) dan Gullick (1998) kurang menjelaskan secara terperinci mengenai kerajaannegeri sebelum Selangor dibentuk secara daulat. Walaupun begitu, hal ini dicatatkan tetapi terhad dalam manuskrip ditulis pada era kesultanan Johor antaranya *Sulalatus-Salatin* (1979) yang ditranskripsi dari tulisan jawi kepada rumi. Berdasarkan kenyataan dalam karya tersebut, terdapat kerajaan negeri dikenali sebagai Klang sebelum Selangor memiliki status sebuah kerajaan negeri secara daulat pada November 1766.

Tarikh pembentukan Klang sukar diketahui dengan tepat. Namun begitu, Klang didapati dibentuk pada era Sultan Muhammad Syah ibni Sultan Mahkota Iskandar Syah, Sultan Melaka ketiga, 1283-1339.1 Status entiti politik Klang pula adalah sebagai sebuah jajahan di bawah pentadbiran Melaka. Pembesar Klang pertama adalah Dato' Ibrahim. Kemudian, jajahan ini ditadbir oleh Tun Perak; Ratu Klang; dan tokoh penyandang sebagai Bendahara Melaka. Selepas kesultanan Melaka dimansuhkan pada 1528, Klang dimasukkan dalam pentadbiran kerajaan baharu iaitu Johor. Ketika di bawah pentadbiran Johor, Klang bersama-sama Seri Menanti, Sungai Ujong, Jelebu, Johol, Rembau, Nanning, Hulu Muar dan Jelai membentuk persekutuan dikenali sebagai Seri Menanti pada 1700. Seterusnya, Seri Menanti memiliki status entiti politik sebagai kerajaan negeri tersendiri kerana memerdekakan tanah jajahannya daripada pentadbiran Johor pada 1757.

Selain Klang, terdapat sebuah jajahan baharu iaitu Jeram dibentuk pada era Sultan Mansur Syah ibni Sultan Muzaffar Syah, Sultan Melaka keenam, 1378-1449. Baginda melantik Paduka Seri Cina sebagai pembesar Jeram. Kemudian, keturunan Paduka Seri Cina diangkat sebagai pembesar Jeram sehingga Melaka dimansuhkan pada 1528. Sementara itu, sebuah jajahan baharu dibentuk pada 1510-an iaitu Selangor. Jajahan ini dibentuk setelah Paduka Tuan melantik Tun Mahmud sebagai pembesar Selangor. Seterusnya, Sultan Mahmud Syah ibni Sultan Alauddin Riayat Syah, Sultan Melaka kelapan, 1481-1510, dan Sultan Melaka ke-10, 1510-1528, mengurniakan gelaran Seri Akar Raja kepada Tun Mahmud ketika peperangan sedang berlaku antara Melaka dengan Portugis. Akhirnya, Selangor dimansuhkan rentetan pembentukan dua

buah kerajaan baharu iaitu Johor dan Perak pada 1528. Kesannya, lembangan Sungai Selangor dan Sungai Buluh dimasukkan kembali dalam jajahan Klang pada era kesultanan Johor.

Setelah itu, Klang yang memiliki persempadanan merangkumi Sungai Selangor hingga Sungai Udang, Pengkalan Kempas, diturunkan status entiti politiknya sebagai sebuah daerah berdasarkan lembangan Sungai Klang sejurus Dato' Ungku Naga Mengulur, Pembesar Klang bagi Kerajaan Johor keempat, dan Pembesar Klang bagi Kerajaan Seri Menanti pertama, menundukkan taat setia kepada kesultanan Selangor pada November 1766.2 Ketika era kolonial British pula, F. A. Swettenham, Pemangku Residen British Selangor ketiga, 1882-1883, dan Residen British Selangor ketiga, 1883-1889, menyeragamkan pentadbiran daerah Selangor berdasarkan kelulusan Frederick Weld, Gabenor Negeri-Negeri Selat, 1880-1887, dan Sultan Abdul Samad ibni Raja Abdullah, Sultan Selangor keempat, 1857-1898, pada 1882. Sehubungan itu, daerah Klang dibahagikan kepada dua bahagian berkuat kuasa Januari 1883 iaitu: hilir Sungai Klang dikenali sebagai daerah Klang; dan hulu Sungai Klang dikenali sebagai daerah Kuala Lumpur. Selama hampir 91 tahun, status entiti politik Kuala Lumpur berubah dari sebuah daerah kepada Wilayah Persekutuan berkuat kuasa 1 Februari 1974 sekaligus diiktiraf sebagai ibu negara Malaysia pada tarikh sama.

KEDATANGAN ARISTOKRAT BUGIS DARI KERAJAAN LUWU' KE JOHOR

Konsep alam Melayu seperti dimaklumkan oleh Zaharah, Wan Hashim dan Nik Hassan membolehkan rumpun Melayu di sekitar alam Melayu mengembara serta menetap di kawasan baharu tanpa sebarang masalah dalam berhubung antara satu sama lain (2016). Kemudian, seseorang itu akan mengalami perubahan dan mobiliti sosial di penempatan baharu. Hal ini turut berlaku dalam lipatan sejarah Johor dan Selangor pada abad ke-18. Buktinya, Abdullah Zakaria (2011) menyatakan kedatangan Opu Bugis Lima Bersaudara dari Luwu', Sulawesi Selatan, terdiri daripada Daeng Parani, Daeng Menambun, Daeng Marewah, Daeng Chelak dan Daeng Kemasi ke Johor pada tampuk pimpinan Sultan Abdul Jalil Riayat Shah ibni Tun Habib Abdul Majid, Sultan Johor ke-10, 1699-1718. Namun begitu, ayahanda mereka, Daeng Rilekkek

ibni La Madusalat, tidak sempat menjejak kakinya ke bumi Johor kerana mangkat di Pulau Siantan pada awal abad ke-18. Kemudian, Opu Bugis Lima Bersaudara menjalankan serangannya setelah Sultan Abdul Jalil Riayat Shah dibunuh pada 1721. Opu Bugis Lima Bersaudara berpihak dan membantu Raja Sulaiman ibni Sultan Abdul Jalil Riayat Shah menentang Raja Kechil ibni Sultan Mahmud Shah yang diiktiraf sebagai Sultan Johor bergelar Sultan Abdul Jalil Rahmat Shah dari 1718-1722.

Akhirnya, pakatan Opu Bugis Lima Bersaudara dan Raja Sulaiman berjaya mengusir Sultan Abdul Jalil Rahmat Shah dari bumi Johor pada 1721. Setelah kedudukan Raja Sulaiman kukuh, baginda ditabalkan sebagai Sultan Johor ke-12 bergelar Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah (Sultan Sulaiman) pada 1722. Baginda tidak lupa dengan jasa dan peranan Opu Bugis Lima Bersaudara terhadap kemenangan ini. Bagi membalas jasa tersebut, baginda bertindak menyusun kembali struktur birokrasi kerajaan Johor dengan serta merta. Baginda merupakan tokoh bertanggungjawab membentuk jawatan Yang di-Pertuan Muda yang belum pernah dibentuk sejak 1528. Jawatan ini buat pertama kali disandang oleh Daeng Marewah dari 1722-1728. Sehubungan itu, jawatan ini berada di kedudukan kedua dalam stratifikasi Orang Besar Johor. Sekaligus, perubahan sosial dan mobiliti sosial menegak berlaku terhadap status Daeng Marewah yang bertukar dari aristokrat Bugis Luwu' kepada aristokrat Melayu Johor.

Selain Yang di-Pertuan Muda, sebanyak dua jawatan diaplikasikan dalam pentadbiran Johor sejak 1528 iaitu Bendahara berada di kedudukan pertama. Temenggung yang pada peringkat awal berada di kedudukan kedua jatuh ke tempat ketiga setelah jawatan Yang di-Pertuan Muda dibentuk pada 1722. Berlandaskan penjelasan ini dapat disimpulkan bahawa perubahantelah berlaku khususnya kedudukan kedua dan ketigadalam birokrasi Orang Besar Johor pada 1722. Berdasarkan pendapat tersebut, lapisan pertama masih kekal diduduki oleh Bendahara yang memiliki tanah jajahan di Pahang merangkumi Sungai Kemaman hingga Sungai Sedili Besar. Lapisan kedua pula adalah Yang di-Pertuan Muda yang memiliki jajahan di Seri Menanti merangkumi Seri Menanti, Klang, Sungai Ujong, Jelebu, Johol, Rembau, Naning, Hulu Muar serta Jelai dan Kepulauan Riau kecuali Pulau Lingga dan Pulau Singapura. Sementara itu, lapisan ketiga, Temenggung memiliki tanah jajahan di Johor pada konteks ini tetapi merangkumi Sungai Kesang

(persempadanan Melaka) dan Sungai Sedili Besar (persempadanan Pahang) hingga ke Pulau Singapura.

PEMBENTUKAN ISTILAH RAJA SELANGOR

Sultan Salehuddin merupakan tokoh bertanggungjawab membentuk istilah raja Selangor pada abad ke-18. Bagi mencapai hal tersebut, baginda mengharungi pelbagai cabaran sejak dilantik sebagai Yamtuan Selangor ketiga pada 1743. Ia bermula setelah jawatan Yang di-Pertuan Muda dikurniakan kepada Daeng Chelak akibat kemangkatan Daeng Marewah pada 7 Ogos 1728. Daeng Chelak yang sebelum ini turut diiktiraf sebagai aristokrat Melayu Johor melalui mobiliti sosial menegak kerana berkahwin dengan Tengku Mandak binti Sultan Abdul Jalil Riayat Shah, adinda kepada Sultan Sulaiman, pada 1722 telah mengalami perubahan sosial sepenuhnya setelah dilantik sebagai Yang di-Pertuan Muda kedua pada 1728. Kenaikan mobiliti ini turut terkena tempias kepada keturunan beliau. Antara yang terkenal dalam lipatan sejarah Johor dan Selangor adalah Sultan Salehuddin dan Raja Haji, Yang di-Pertuan Muda keempat, 1777-1782. Mereka juga diiktiraf sebagai aristokrat Melayu Johor. Perkara ini menunjukkan Sultan Salehuddin dan Raja Haji bukan daripada darah daging Tengku Mandak yang berkahwin dengan ayahandanya pada 1722. Sekiranya ibunda mereka adalah Tengku Mandak, Sultan Salehuddin dan Raja Haji secara langsung akan diiktiraf sebagai aristokrat Melayu Johor melalui darah matrilineal. Pendapat ini dilontarkan kerana Sultan Salehuddin dan Raja Haji didapati daripada perut Tomita, isteri tua Daeng Chelak. Pada masa sama, kedua-dua tokoh ini telah diputerakan sebelum 1722. Misalnya, Sultan Salehuddin diputerakan pada 1705.

Berdasarkan kenyataan sebelum ini iaitu Yang di-Pertuan Muda menguasai tanah jajahan di Seri Menanti dan Riau, Daeng Chelak selaku penyandang jawatan tersebut menempatkan Sultan Salehuddin sebagai Yamtuan Selangor atau lebih tepat sebagai ketua dalam lembangan Sungai Selangor yang ketika itu di bawah Klang. Tindakan ini dilaksanakan bagi menggantikan Raja Sitti, Yamtuan Selangor kedua, 1723-1743, yang meninggal dunia pada 1743. Kemudian, kedudukan Sultan Salehuddin menjadi semakin tinggi menerusi mobiliti sosial menegak setelah diiktiraf sebagai "raja" dalam lembangan Sungai Selangor oleh Sultan Muhammad Shah ibni Raja Mansur, Sultan

Perak ke-14, 1743-1750, selepas membantu baginda menerajui takhta kerajaan negeri Perak pada tahun sama. Peristiwa ini menyebabkan Dato' Ungku Naga Mengulur berasa terganggu kerana lembangan Sungai Selangor adalah miliknya sejak dibuka serta ditadbir oleh moyangnya, Nenek Lendesan yang digelar sebagai Dato' Ungku Pinang Tunggal, Pembesar Klang bagi Kerajaan Johor pertama, sejak abad ke-16.

Mohd. Yusoff (2001) berpendapat Sultan Salehuddin memiliki hasrat untuk menggantikan jawatan ayahandanya selepas mangkat pada 19 Mei 1745. Namun, perkara ini tidak berlaku dalam lipatan sejarah Johor. Pelantikan ini tidak berlaku kerana Daeng Kemboja bin Daeng Parani dipilih dan dilantik sebagai penyandang jawatan Yang di-Pertuan Muda baharu pada 1745 bagi menggantikan Daeng Chelak. Sultan Salehuddin tidak dipilih kerana Daeng Kemboja lebih tua dan matang. Setelah diteliti secara mendalam, tarikh keputeraan Sultan Salehuddin adalah pada 1705 manakala Daeng Kemboja pula pada 1697. Tarikh ini menunjukkan Daeng Kemboja lebih sesuai dilantik sebagai Yang di-Pertuan Muda kerana lebih tua dan matang berbanding Sultan Salehuddin.

Tindakan Sultan Sulaiman melantik Daeng Kemboja kurang disenangi Sultan Salehuddin. Oleh itu, baginda berusaha untuk membebaskan lembangan Sungai Selangor daripada kerajaan Johor sekaligus Klang. Hasrat dan usaha baginda ini semakin menggugat kedudukan Dato' Ungku Naga Mengulur. Tindakan baginda menyebabkan Dato' Ungku Naga Mengulur menggunakan diplomasi positif. Beliau memaklumkan kepada Sultan Salehuddin akan menundukan taat setia sekiranya diiktiraf sebagai Sultan Selangor yang sah dan berdaulat. Oleh yang demikian, Sultan Salehuddin berusaha mendapatkan pengiktirafan tersebut daripada Sultan Perak.

Berdasarkan *Misa Melayu* (2015), Sultan Salehuddin berjaya mendapatkan pengiktirafan sebagai Sultan Selangor secara daulat pada November 1766 bukan dilantik seperti difahami oleh Andaya (1974). Setelah diiktiraf sebagai Sultan Selangor pertama, baginda memakai gelar Sultan Salehuddin. Istilah pelantikan adalah kurang tepat walaupun ia dicatatkan dalam *Misa Melayu* kerana hakikat sebenarnya, Sultan Salehuddin menghadap Sultan Mahmud Shah ibni Sultan Muhammad Shah, Sultan Perak ke-16, 1765-1773, untuk mendapatkan pengiktirafan sebagai sultan dan tidak lebih daripada


itu. Pada masa sama, Selangor bukan di bawah Perak walaupun mendapat pengiktirafan daripada Sultan Mahmud Shah. Oleh itu, kedua-dua kerajaan ini ditadbir secara berasingan dan kekal hingga kini. Dalam pada itu, hubungan persahabatan teguh antara kerajaan Selangor-Perak kekal diamalkan hingga kini.

Berdasarkan pengiktirafan tersebut, Sultan Salehuddin pada awalnya hanya menguasai lembangan Sungai Selangor berjaya menguasai dari Sungai Bernam hingga Sungai Udang sempena tanah jajahan Klang milik Dato' Ungku Naga Mengulur (Rajah 1). Kemudian, persempadanan Selangor yang luas pada ketika dahulu semakin mengecil dari Sungai Bernam hingga Sungai Sepang pada 1878 berkuat kuasa 1880. Pengcilan persempadanan ini berlaku kerana Raja Haji Bot bin Raja Jumaat, Orang Besar Daerah Lukut kelima, 1864-1874, dan Raja Tua Selangor kedua, 1898-1916, kurang cekap melaksanakan pentadbiran daerah Lukut yang turut melibatkan daerah Sungai Raya di bawah tampuk pimpinan sepupunya, Raja Suleiman bin Raja Hussin, Orang Besar Daerah Sungai Raya kedua, 1860-an-1867.

Akibat personaliti yang kurang baik menyebabkan perjanjian 1878 termeterai di Singapura. Kesan perjanjian tersebut adalah menyerahkan daerah Lukut dan Sungai Raya kepada kerajaan negeri Sungai Ujong di bawah tampuk pimpinan Dato' Syed Abdul Rahman bin Syed Ahmad al-Qadri, Dato' Kelana Petra Sri Jaya Sungai Ujong ke-12, 1873-1881, pada 1878 berkuat kuasa 1880. Impaknya, daerah Lukut dan Sungai Raya yang dahulu milik kerajaan negeri Selangor diserahkan dan kekal di bawah pentadbiran Negeri Sembilan hingga kini.

Selepas Sultan Salehuddin menerajui kerajaan negeri Selangor, baginda merupakan tokoh paling layak diiktiraf sebagai pengasas kesultanan Selangor secara daulat pada November 1766 (CO 717/117/12, 15 April 1936 dan CO 439/1, 1889). Pada tarikh ini juga menyebabkan perubahan berlaku ke atas status entiti politik Selangor yang sebelum ini hanya sebuah daerah dalam Klang bertukar sebagai negeri serta memiliki kerajaan tersendiri dan bukan di bawah pentadbiran Johor atau persekutuan Seri Menanti.

Setelah Selangor dibentuk secara daulat, baginda merupakan tokoh bertanggungjawab dalam membentuk istilah raja dan orang besar Selangor yang juga dikenali sebagai waris negeri Selangor. Kedua-dua kategori ini layak diiktiraf



RAJAH 1. Perkembangan Daerah, 1766-1883, dan Jajahan, 1766-kini (2019), di Selangor

Sumber: Diolah daripada CO 576/74, Annual Report on the Malayan Union for 1946 dan Ahmad Farhan bin Abdullah@Zakaria, 2013.

sebagai aristokrat Melayu Selangor dan tidak boleh dipertikaikan berdasarkan teori perubahan sosial. Golongan ini merupakan bangsa baharu yang dibentuk di alam Melayu dan dikenali sebagai orang Selangor. Pendapat ini dinyatakan kerana sebelum kesultanan Selangor dibentuk, istilah bangsa Melayu Selangor masih belum diaplikasikan di alam Melayu kerana mereka yang menduduki Klang pada ketika itu dikenali sebagai orang Klang. Berdasarkan pendapat ini, wajar untuk menyatakan golongan raja, orang besar dan masyarakat yang ada ketika era pembentukan kesultanan Selangor pada November 1766 layak diiktiraf sebagai orang Selangor jati.

Berlandaskan pandangan ini, golongan raja dan orang besar Selangor kurang sesuai menggunakan bangsa Bugis dalam konteks kesultanan Selangor. Namun begitu, penggunaan bangsa Bugis boleh digunakan sebagai untuk memperingati leluhur golongan tersebut yang berasal dari Sulawesi Selatan.

Setelah Sultan Salehuddin membentuk istilah raja Selangor, seseorang yang memiliki darah baginda tidak kira sama ada daripada sebelah bilateral, patrilineal atau matrilineal tetap diiktiraf sedemikian yang juga dikenali sebagai waris negeri Selangor. Begitu juga tempat keputeraan

raja sama ada di dalam atau luar Selangor tetap diiktiraf sebagai raja Selangor atau waris negeri Selangor. Konsep ini kekal digunakan hingga kini. Pandangan ini dinyatakan kerana golongan ini merupakan pemilik kepada bumi Selangor sejak diasaskan oleh Sultan Salehuddin. Golongan ini memakai pangkal nama "Raja" sekiranya seseorang itu daripada jurai bilateral dan patrilineal. Sekiranya seseorang itu daripada jurai matrilineal, pangkal nama berdasarkan ayah masing-masing. Contohnya, Syed Masyhur bin Syed Muhammad. Ayah beliau berkahwin dengan Raja Sedia binti Raja Abdullah, adinda kepada Sultan Abdul Samad.

Kemudian, pada era Sultan Alae'eddin Sulaiman Shah ibni Raja Musa (Sultan Sulaiman Shah), Sultan Selangor kelima, 1898-1938, baginda membentuk pangkal nama baharu iaitu "Tengku" yang dikhaskan kepada keturunannya sahaja pada hari pertabalan Sultan Selangor bertarikh 5 November 1903. Antaranya, Raja Musa Eddin berubah kepada Tengku Musa Eddin, Raja Badar Shah berubah kepada Tengku Badar Shah dan Raja Alam Shah berubah kepada Tengku Alam Shah. Oleh sebab itu, golongan raja yang memakai pangkal nama "Tengku" dalam kesultanan Selangor pada konteks kini menunjukkan mereka daripada jurai Sultan Sulaiman Shah. Baginda bertindak sedemikian kerana hendak menempatkan keturunannya sebagai waris negeri Selangor yang akrab dalam kesultanan Selangor.

PEMBENTUKAN ISTILAH ORANG BESAR SELANGOR

Selain membentuk golongan raja Selangor, Sultan Salehuddin juga merupakan tokoh bertanggungjawab dalam memperkenalkan istilah orang besar setelah kesultanan Selangor bermula secara daulat pada November 1766.³ Tokoh-tokoh untuk menyandang jawatan Orang Besar Selangor dipilih berdasarkan tampuk pimpinan Sultan Selangor. Walaupun begitu, peringkat pertama yang berlaku pada era Sultan Salehuddin merupakan tunjang bermulanya istilah kategori ini dan masih kekal digunakan hingga kini kecuali jawatan Dato' Aru diubah suai kepada Dato' Amar di-Raja Penghulu Istiadat pada 1 Januari 1916, Dato' Ungku Mukim Petaling diubah suai kepada Orang Kaya To' Ungku Maha Bijaya Hulu Langat, Dato' Kaya Mukim Aur diubah suai kepada Orang Kaya Maha Bijaya Klang dan Dato' Penghulu Mukim Hulu Selangor

diubah suai kepada Orang Kaya Maha Bijaya Hulu Selangor pada 9 Jun 1928.

Khoo (1985), Andaya (1974), Abdullah Zakaria (1999/2000) dan Muhd Yusoff (2001) kurang memperihalkan istilah serta jawatan Orang Besar Selangor pada era Sultan Salehuddin. Misalnya, Khoo (1985) dan Andaya (1974) memaklumkan jawatan-jawatan seperti Dato' Aru, Dato' Penghulu Mukim Hulu Selangor, Dato' Shah Bandar dan Dato' Maharaja Lela dalam penulisan masing-masing tetapi kurang membincangkan perkara ini dengan teliti. Antaranya, mereka menggunakan sumber primer yang dikutip daripada catatan Othman bin Haji Derus (CO 273/570/4, 1931). Isi surat ini menyatakan jawatan Orang Besar Selangor pada era Sultan Salehuddin adalah Dato' Aru, Dato' Penggawa Tua, Dato' Penggawa Muda, Dato' Shah Bandar, Dato' Ungku Klang, Dato' Penghulu Hulu Selangor, Dato' Kaya Kechil Klang dan Dato' Maharaja Lela.

Walaupun begitu, kajian mereka baik dan boleh dijadikan rujukan untuk penulisan yang lebih mantap. Berdasarkan penelitian, terdapat kesalahan kecil terhadap jawatan Orang Besar Selangor bergelar Dato' Penggawa Muda pada tempoh Sultan Salehuddin. Pandangan ini dinyatakan kerana jawatan Dato' Penggawa Muda yang berpusat di mukim Jeram dibentuk pada tampuk pimpinan Sultan Muhammad ibni Sultan Ibrahim, Sultan Selangor ketiga, dalam tempoh 1826-1857. Kenyataan ini benar kerana pembentukan jawatan ini dimaklumkan dan diperaku oleh Raja Laut yang merupakan putera kepada Sultan Muhammad. Berpandukan kenyataan ini, menunjukkan jawatan Dato' Penggawa Muda masih belum diaplikasikan dalam pentadbiran Sultan Salehuddin. Oleh yang demikian, jawatan-jawatan Orang Besar Selangor dibentuk buat pertama kali oleh Sultan Salehuddin adalah: Dato' Panapandang sebagai Dato' Penggawa Tua berpusat di mukim Permatang, daerah Selangor, yang sepatutnya dikenali sebagai Dato' Penggawa Tua Mukim Permatang; Dato' Naga Mengulur sebagai Dato' Ungku berpusat di mukim Petaling, daerah Klang, yang sepatutnya dikenali sebagai Dato' Ungku Mukim Petaling bukan Dato' Ungku Klang; Dato' Adam sebagai Dato' Kaya berpusat di mukim Aur, daerah Klang, yang sepatutnya dikenali sebagai Dato' Kaya Mukim Aur bukan Dato' Kaya Klang; Dato' Daeng Pendalang sebagai Dato' Penghulu berpusat di mukim Hulu Selangor, daerah Selangor, yang sepatutnya dikenali sebagai Dato' Penghulu Mukim Hulu Selangor; Dato'

Akhir sebagai Dato' Aru berpusat di mukim Kuala Selangor, daerah Selangor; Dato' Daeng Tempuli sebagai Dato' Shah Bandar berpusat di mukim Kuala Selangor; Dato' Daeng Loklok (selepas ini dikenali sebagai Dato' Hussin) sebagai Dato' Maharaja Lela berpusat di mukim Kuala Selangor; Dato' Mahidin sebagai Dato' Bentara berpusat di mukim Kuala Selangor; dan Wasulit sebagai Panglima Perang Besar berpusat di mukim Kuala Selangor (Ahmad Farhan, 2013, B/SUK SEL: SEC: 3435/1923/1, 8 Ogos 1923 dan B/SUK SEL: SEC: 1877/1925/1, 17 April 1925).

Berdasarkan kenyataan sebelum ini, seramai lima tokoh berdarah aristokrat Bugis iaitu Dato' Panapandang, Dato' Daeng Pendalang, Dato' Daeng Tempuli, Dato' Hussin dan Wasulit. Kesemua tokoh ini mempunyai hubungan darah dengan Sultan Salehuddin. Dato' Naga Mengulur dan Dato' Akhir pula merupakan keturunan aristokrat Johor. Sementara itu, Dato' Mahidin merupakan keturunan aristokrat Perak manakala Dato' Adam daripada aristokrat Pagar Ruyung. Kesemua tokoh tersebut diangkat dan dilantik oleh Sultan Salehuddin sebagai orang besar Selangor. Baginda bertindak memilih tokoh-tokoh tersebut kecuali Dato' Mahidin kerana mereka telah membantu dan menyokong baginda untuk membentuk kesultanan Selangor pada November 1766. Dato' Mahidin pula merupakan anugerah daripada Sultan Mahmud Shah sebagai hadiah bagi menguruskan hal ehwal protokol istana Selangor yang baharu hendak dibina. Pelantikan ini menyebabkan perubahan sosial dan mobiliti sosial menegakberlaku yang mengiktiraf mereka secara

sahih sebagai aristokrat Selangor kategori orang besar Selangor. Pada masa sama, turut dikenali sebagai waris negeri Selangor. Keturunan mereka sama ada dilahirkan di dalam atau luar Selangor kekal bergelar sebagai aristokrat Selangor kategori orang besar Selangor.

Namun begitu, mereka tidak memakai pangkal nama seperti "Raja", "Tengku", "Wan", "Engku" dan "Daeng". Golongan ini hanya memakai nama orang kebanyakan. Misalnya, Teha binti Dato' Hussin. Sekiranya golongan perempuan daripada keluarga orang besar Selangor berkahwin dengan keturunan Wan dari kerajaan negeri lain seperti Kedah, keturunan mereka akan memakai pangkal nama "Wan". Misalnya, keturunan Wan Suluh bin Wan Mohamed Said. Datuknya, Wan Mohamed bin Wan Su dari Kedah berkahwin dengan Mahirim binti Imam Abdul Haj daripada keluarga orang besar Selangor melahirkan ayahnya, Wan Mohamed Said, yang kemudian, berkahwin dengan Ghuliah binti Bahak juga daripada keluarga orang besar Selangor. Impaknya, keturunan ini masih memakai pangkal nama "Wan" pada konteks kini dan diiktiraf sebagai orang besar Selangor.

STRATIFIKASI ARISTOKRAT MELAYU SELANGOR

Setiap masyarakat di seluruh dunia memiliki kelas sosial tersendiri. Perkara ini bukan sahaja diamalkan di Eropah tetapi juga diaplikasikan dalam aristokrat Melayu Selangor yang merangkumi raja dan orang



RAJAH 2. Stratifikasi Sosial Era Sultan Salehuddin

Sumber: B/SUK 4618/1902, 5 September 1902, B/SUK 4618/1902, 1902, B/SUK 532/1903, 16 October 1903, B/SUK R. C. SEL. 979/1946/2, 23 Jun 1947, CO 717/117/12, 15 April 1936 dan Noran Fauziah Yaakub, 1987.

besar Selangor. Rajah 2 menunjukkan stratifikasi sosial secara keseluruhan dalam Selangor pada era Sultan Salehuddin yang mempunyai empat kategori iaitu raja Selangor, orang besar Selangor, anak negeri Selangor dan anak dagang. Kategori raja dan orang besar Selangor adalah aristokrat Melayu Selangor serta dikenali sebagai waris negeri Selangor manakala kategori anak negeri Selangor dan anak dagang tidak diiktiraf sedemikian. Walaupun begitu, mereka saling bekerjasama antara satu sama lain bagi membentuk pentadbiran yang sistematik. 4 Perkara ini dilakukan kerana membolehkan Selangor menjadi lebih baik serta efisien dari aspek pentadbiran, ekonomi, sosial dan sosioekonomi pada setiap masa.

Selain golongan aristokrat Melayu Selangor yang dijelaskan maksudnya sebelum ini, anak negeri Selangor dan anak dagang juga mempunyai definisi tersendiri. Anak negeri Selangor bermaksud mereka yang bukan daripada keturunan raja serta tidak dilantik sebagai orang besar Selangor. Kemudian, keturunan mereka yang dilahirkan di Selangor juga layak diiktiraf sebagai anak negeri Selangor. Misalnya, dalam konteks penulisan ini, golongan yang layak diiktiraf sebagai anak negeri Selangor adalah masyarakat yang telah menetap di Klang sejak abad ke-16. Setelah Klang dimansuhkan dan digantikan dengan kerajaan negeri baharu iaitu Selangor, golongan tersebut diiktiraf secara langsung sebagai anak negeri Selangor.

Anak dagang pula bermaksud mereka dari luar Selangor yang berhijrah ke Selangor. Mereka ini tidak kira sama ada berstatus raja, orang besar atau

orang kebanyakan. Masyarakat anak dagang ada yang terus menetap di Selangor hingga meninggal dunia. Misalnya, Haji Abdullah Hukum bin Abdul Rahim, Ketua Kampung Jalan Bangsar, 1918-1930-an. Namun begitu, terdapat juga anak dagang yang pulang ke kampung halaman masing-masing selepas menyelesaikan pekerjaan di Selangor. Walaupun begitu, anak-anak mereka layak diiktiraf sebagai anak negeri Selangor kerana dilahirkan di Selangor walaupun ibu atau ayahnya bukan dilahirkan di Selangor.

Namun begitu, masyarakat anak dagang tidak ramai menetap di Selangor ketika era Sultan Salehuddin. Pandangan ini dilontarkan kerana masyarakat anak dagang mulai ramai berhijrah ketika era Sultan Abdul Samad. Penghijrahan ini berlaku selepas Raja Abdullah bin Raja Jaffar, Orang Besar Daerah Klang keenam, 1850-1867, memperkenalkan mukim-mukim iaitu Kuala Lumpur, Gombak, Batu, Hulu Klang dan Ampang yang terdapat dalam daerah Klang lembangan hulu Sungai Klang kepada dunia luar dari Selangor sekitar akhir 1850-an. Peranan Raja Abdullah menunjukkan beliau lebih tepat sebagai pengasas Kuala Lumpur bukan Sutan Puasa atau Yap Ah Loy (Ahmad Farhan, 2018, Ahmad Farhan Abdullah@Zakaria, 2018 & Abdur-Razzaq Lubis 2018).

Rajah 3 pula menumpukan stratifikasi dalam kumpulan aristokrat Melayu Selangor yang memiliki lima kategori iaitu Sultan Selangor, Raja Muda Selangor, Orang Besar Selangor, Kerabat Raja Selangor dan Kerabat Orang Besar Selangor. Hanya tokoh berdarah raja Selangor yang menyandang



RAJAH 3. Stratifikasi dalam Aristokrat Melayu Selangor

Sumber: B/SUK 4618/1902, 5 September 1902, B/SUK 4618/1902, 1902, B/SUK 532/1903, 16 October 1903, B/SUK R. C. SEL. 979/1946/2, 23 Jun 1947, CO 717/117/12, 15 April 1936 dan Noran Fauziah Yaakub, 1987.

jawatan Raja Muda Selangor atau Tengku Panglima Besar Selangor (sekiranya jawatan Raja Muda Selangor tidak disandang kepada kerabat raja Selangor) layak dipilih dan dilantik sebagai Sultan Selangor pada 1826-1936. Seseorang yang dilantik sebagai Sultan Selangor membolehkan kedudukannya berada di paling atas dalam hierarki aristokrat Melayu Selangor.

Begitu juga dengan Raja Muda Selangor, hanya tokoh berdarah raja Selangor boleh dilantik untuk menyandang jawatan itu (FCO 141/7358, Without Date). Majoriti kerabat raja yang menyandang jawatan ini adalah putera-putera baginda sultan berdasarkan susunan sejak era Sultan Salehuddin. Kedudukan jawatan ini membolehkan tokoh tersebut berada di kedudukan kedua selepas Sultan Selangor.

Kedudukan jawatan-jawatan Orang Besar Selangor pula berada di bawah Raja Muda Selangor. Dalam lingkungan jawatan Orang Besar Selangor juga memiliki stratifikasi tersendiri. Kategori ini dapat dibahagikan kepada empat bahagian iaitu: Pertama, diumpamakan seperti kementerian Malaysia yang terdapat pada konteks kini. Jawatan bahagian ini adalah Dato' Aru diumpamakan seperti Perdana Menteri, Dato' Shah Bandar diumpamakan seperti Menteri Luar Negeri, Dato' Maharaja Lela diumpamakan seperti Menteri Dalam Negeri dan Panglima Perang Besar diumpamakan seperti Menteri Pertahanan. Kedua, bertindak sebagai ketua protokol dalam istana. Jawatan ini adalah Dato' Bentara. Ketiga, bertindak sebagai ketua di peringkat daerah. Jawatan ini disandang oleh orang besar daerah. Keempat, bertindak sebagai ketua di peringkat mukim. Jawatan ini disandang oleh Dato' Penggawa Tua Mukim Permatang sebagai Ketua Mukim Lembangan Hilir Sungai Selangor dan Hilir Sungai Bernam, Dato' Ungku Mukim Petaling sebagai Ketua Mukim Lembangan Hulu Sungai Klang dan Hulu Sungai Langat, Dato' Kaya Mukim Aur sebagai Ketua Mukim Lembangan Hilir Sungai Klang dan Hilir Sungai Langat, Dato' Penghulu Mukim Hulu Selangor sebagai Ketua Mukim Lembangan Hulu Sungai Selangor dan Hulu Sungai Bernam. Jawatan-jawatan ini merupakan anggota kabinet Sultan Salehuddin sejak 1766-1782.

Sekiranya berdasarkan susunan kedudukan jawatan Orang Besar Selangor, majoriti pengkaji terdahulu menempatkan Dato' Aru sebagai ketua sekaligus berada di kedudukan tertinggi dalam kategori ini. Pendapat ini dikemukakan kerana

Dato' Aru ditugaskan sebagai Perdana Menteri dan Ketua Pertabalan Sultan Selangor sebelum ditukarkan kepada kerabat raja Selangor pada era Sultan Sulaiman Shah. Buktinya, Raja Haji Bot merangkap Raja Tua Selangor kedua, 1898-1916, menabalkan Sultan Sulaiman Shah sebagai Sultan Selangor kelima pada 5 November 1903 di Istana Mahkota Puri, Klang.

Kedudukan jawatan-jawatan Orang Besar Selangor yang lain sukar dijelaskan kerana tidak dicatatkan dalam sumber primer. Walaupun begitu, berdasarkan analisis, sintesis dan interpretasi secara mendalam, didapati jawatan Dato' Ungku Mukim Petaling berada di kedudukan kedua. Pendapat ini dinyatakan kerana Dato' Ungku Mukim Petaling menetap dan berkuasa di sekitar Selangor sejak kerajaan Johor. Kedudukan ketiga pula adalah Dato' Penggawa Tua Mukim Permatang kerana jawatan ini dibentuk sejak Dato' Ungku Mukim Petaling mentadbir Klang sekitar akhir abad ke-17.

Sementara itu, kedudukan keempat adalah Dato' Kaya Mukim Aur kerana keturunannya menetap dan berkuasa di sekitar lembangan Sungai Aur sejak dilantik oleh Dato' Ungku Mukim Petaling pada akhir abad ke-16. Kemudian, istilah jawatan itu ditukarkan kepada Dato' Kaya Mukim Aur pada era Sultan Salehuddin. Perkara ini dinyatakan kerana sebelum ini ia memakai istilah Dato' Bendahara dan Dato' Penghulu. Kedudukan kelima pula adalah Dato' Maharaja Lela kerana berfungsi sebagai Setiausaha Peribadi kepada Sultan Selangor dan Menteri Dalam Negeri.


Jawatan bergelar Dato' Shah Bandar diumpamakan seperti Menteri Luar Negeri berada di kedudukan keenam kerana perlu melaksanakan tugasannya ke luar negeri bagi tujuan perdagangan bijih timah. Seterusnya, Dato' Penghulu Mukim Hulu Selangor berada di kedudukan ketujuh kerana menguasai jajahan di sebelah hulu lembangan Sungai Selangor; Panglima Perang Besar berada di kedudukan kelapan kerana berfungsi sebagai ketua angkatan perang serta Menteri Pertahanan; dan Dato' Bentara berada di kedudukan terakhir kerana berfungsi sebagai ketua protokol dalam istana.

Perihal Orang Besar Daerah pula tiada susunan diaplikasikan dalam pentadbiran Selangor. Namun begitu, sekiranya mengambil fakta pada konteks kini, menurut Tengku Dato' Dr. Jamaluddin bin Tengku Mahmud Shah, Tengku Orang Kaya Maha Bijaya Sepang, Orang Besar Daerah Sepang, 2005-kini, menyatakan jawatan ini mempunyai sistem kekananan (6 Februari 2014). Contohnya,

pada masa kini, Dato' Paduka Raja Tan Sri Wan Mahmood bin Pawan Teh, Orang Kaya Maha Bijaya Gombak, Orang Besar Daerah Gombak, 2002-kini, merupakan tokoh paling kanan dalam kategori ini kerana memiliki usia paling tua berbanding yang lain. Oleh yang demikian, berbalik pada konteks Sultan Salehuddin, sekiranya sistem kekananan telah diaplikasikan pada zaman baginda, pasti Raja Ibrahim ibni Sultan Salehuddin merupakan tokoh paling kanan sepanjang 1766-1782. Pandangan ini dinyatakan kerana Raja Ibrahim merupakan putera sulung kepada Sultan Salehuddin.

Kerabat raja Selangor yang tidak menyandang jawatan dalam kategori raja bergelar berada di kedudukan keempat manakala kerabat orang besar Selangor pula berada di kedudukan terakhir. Satu persoalan boleh ditimbulkan kepada kedua-dua golongan dinyatakan ini iaitu adakah mereka boleh menaiki tangga stratifikasi dalam jawatan Raja Bergelar dan Orang Besar Selangor? Kedua-dua golongan ini boleh mengalami peningkatan dari tangga ke tangga lebih tinggi sekiranya layak. Kelayakan itu lebih diutamakan kepada sifat-sifat peribadi baik seperti berpengaruh, berwibawa, bertanggungjawab dan berpandangan jauh. Namun begitu, seseorang yang dipilih dan dilantik sebagai Sultan Selangor dan Raja Muda Selangor mestilah berdarah raja Selangor yang sah serta diterima oleh Orang Besar Empat Suku merangkumi Dato' Aru, Dato' Ungku Mukim Petaling, Dato' Penggawa Tua Mukim Permatang dan Dato' Kaya Mukim Aur.

Sementara itu, Rajah 4 menunjukkan stratifikasi kerabat raja Selangor pada era Sultan Salehuddin yang merangkumi lima bahagian iaitu: penyandang




RAJAH 4. Stratifikasi dalam Kerabat Raja Selangor Era Sultan Salehuddin

Sumber: B/SUK 4618/1902, 5 September 1902, B/SUK 4618/1902, 1902, B/SUK 532/1903, 16 October 1903 dan Noran Fauziah Yaakub, 1987.

jawatan Sultan Selangor; penyandang jawatan Raja Muda Selangor; kerabat raja melalui bilateral dan patrilineal; kerabat raja melalui matrilineal; dan kerabat raja melalui mobiliti sosial menegak iaitu secara perkahwinan. Tokoh kerabat raja Selangor sebagai Sultan Selangor adalah Sultan Salehuddin. Kedudukan baginda adalah tertinggi dalam kategori ini. Tokoh kerabat raja Selangor sebagai Raja Muda Selangor pula adalah Raja Ibrahim atau Sultan Ibrahim selepas dilantik sebagai Sultan Selangor kedua pada 1782-1826. Jawatan ini berada di kedudukan kedua iaitu selepas Sultan Selangor.

Manakala kedudukan kerabat raja bilateral dan patrilineal berada di kedudukan ketiga. Mereka terdiri daripada putera dan puteri kepada Sultan Salehuddin iaitu Raja Ibrahim, Raja Nala, Raja Penuh, Raja Perak dan Raja Sarifah. Kedudukan kerabat raja matrilineal pula berada di kedudukan keempat. Kerabat ini merupakan putera dan puteri kepada Raja Penuh yang berkahwin dengan Sultan Abdullah Mukaram Shah ibni Sultan Muhammad Jiwa, Raja Perak yang berkahwin dengan Syed Muhammad Jambul dan Raja Sarifah yang berkahwin dengan kerabat raja Perak yang tidak diketahui namanya. Tokoh-tokoh yang berkahwin dengan puteri-puteri Sultan Salehuddin layak diiktiraf sebagai kerabat raja Selangor melalui mobiliti sosial menegak iaitu secara perkahwinan sekaligus berada di kedudukan terakhir. Namun begitu, istilah ini tidak kukuh kerana masih boleh dianggap sebagai kerabat raja luar dari Selangor. Sekiranya tokoh tersebut bercerai, pengiktirafan sebagai kerabat raja Selangor boleh dilucutkan serta merta.



RAJAH 5. Stratifikasi dalam Kerabat Orang Besar Selangor Era Sultan Salehuddin

Sumber: B/SUK SEL. SEC: 3027/1922/10, 10 Oktober 1926, B/SUK SEL. SEC. G. 553/1935/1, 2 Ogos 1935, B/SUK R. C. SEL. 979/1946/2, 23 Jun 1947, CO 273/570/4, 10 November 1931 dan Noran Fauziah Yaakub, 1987.

Rajah 5 menunjukkan stratifikasi khususnya dalam kumpulan kerabat orang besar Selangor pada era Sultan Salehuddin yang mempunyai empat bahagian iaitu: penyandang jawatan Orang Besar Selangor yang asal iaitu Dato' Aru, Dato' Ungku Mukim Petaling, Dato' Penggawa Tua Mukim Permatang, Dato' Kaya Mukim Aur, Dato Maharaja Lela, Dato' Shah Bandar, Dato' Penghulu Mukim Hulu Selangor, Panglima Perang Besar dan Dato' Bentara; kerabat orang besar Selangor melalui bilateral dan patrilineal; kerabat orang besar Selangor melalui matrilineal; dan kerabat orang besar melalui mobiliti sosial menegak iaitu secara perkahwinan. Penyandang tokoh jawatan Orang Besar Selangor yang asal berada di kedudukan pertama dalam kategori ini. Kemudian, kedudukan kedua ditempatkan kepada orang besar melalui bilateral dan patrilineal iaitu anak-anak kepada tokoh-tokoh penyandang jawatan Orang Besar Selangor pada era Sultan Salehuddin. Antaranya, Dato' Nekbar, Dato' Penggawa Tua Mukim Permatang kedua, era Sultan Ibrahim hingga Sultan Muhammad, Nahu dan Khalib yang merupakan anak kepada Dato' Panapinding (B/SUK SECRETARIAT SELANGOR 4990/1920/5, Tanpa Tarikh).

Sementara itu, orang besar Selangor berada di kedudukan ketigadan keempat pula adalah kerabat orang besar melalui matrilineal yang ayahnya mengalami mobiliti sosial menegak melalui perkahwinan dengan anak perempuan orang besar Selangor. Beliau adalah Nahu, Nakhoda dari Batu Bahara, berkahwin dengan Kembang binti Dato' Hussin (B/SUK R. C. SEL. 979/1946/2, 23 Jun 1947). Tokoh ini melahirkan keturunan yang menyandang jawatan sebagai Dato' Maharaja Lela pada era Sultan Ibrahim. Beliau adalah Dato' Makek bin Nahu, Dato' Maharaja Lela kedua, era Sultan Ibrahim hingga Sultan Muhammad. Oleh itu, Dato' Makek berada di kedudukan ketiga kerana memiliki darah orang besar Selangor melalui matrilineal manakala ayahnya, Nahu, pula di lapisan terakhir atas sebab berlakunya mobiliti sosial menegak.

KESIMPULAN

Pembentukan istilah aristokrat Melayu Selangor merangkumi raja dan orang besar Selangor sekaligus merupakan waris negeri Selangor serta orang asal Selangor dibentuk secara sah setelah status entiti politik Selangor diiktiraf sebagai sebuah kerajaan negeri berdaulat pada November 1766.

Hal ini bertepatan dengan teori perubahan sosial dan pendekatan seperti mobiliti sosial menegak serta genealogi melalui bilateral, patrilineal dan matrilineal. Impaknya, istilah ini kekal diaplikasikan dalam kesultanan Selangor hingga kini. Tanpa kemunculan Sultan Salehuddin dalam lipatan sejarah Selangor pasti menyebabkan perkara ini tidak berlaku dan wujud pada konteks kini. Namun begitu, kemunculan Sultan Salehuddin dalam lipatan sejarah Selangor berjaya mencipta sebuah kesultanan baharu di alam Melayu dikenali sebagai kesultanan Selangor. Oleh itu, baginda layak diiktiraf sebagai pengasas kesultanan Selangor. Kerajaan negeri Selangor didominasi oleh aristokrat Melayu Selangor yang merangkumi raja dan orang besar Selangor menyebabkan ia kekal wujud pada tempoh ini. Kewujudan ini tidak boleh dinafikan kerana Sultan Salehuddin berjaya membentuk kesultanan Selangor secara daulat dan sah pada November 1766. Secara lazimnya, stratifikasi dalam kategori aristokrat Melayu Selangor tidak diamalkan dalam konteks kesultanan Selangor kerana mereka sependapat golongan ini adalah sama di sisi masing-masing. Namun begitu, hal tersebut wujud dalam konteks ini kerana jelas mempunyai lapisan-lapisan tertentu sama ada sebagai raja atau orang besar Selangor bagi membezakan seseorang itu dengan yang lain. Perkara ini semakin terserlah ketika Perang Klang berlaku dari 1866-1874. Oleh yang demikian, penggunaan istilah dan stratifikasi aristokrat Melayu Selangor yang dikemukakan perlu digunakan dalam penulisan pada masa hadapan agar tidak menyebabkan perselisihan faham berlaku mengenai hal ini.

NOTA

- 1 Tarikh baharu pengasasan kesultanan Melayu Melaka adalah pada 1262. Untuk keterangan lanjut, lihat Abdul Rahman bin Ismail, Abdullah Zakaria bin Ghazali dan Zulkanain bin Abdul Rahman (2012).
- 2 Walaupun Norizan Kadir & Suffian Mansor membincangkan perihal kesultanan Sulu, namun, ia amat sesuai untuk digunakan dalam konteks penulisan ini sebagai persamaan khususnya pembentukan kesultanan Selangor pada November 1766. Untuk keterangan lanjut, lihat Norizan Kadir & Suffian Mansor (Oktober 2017).
- 3 Walaupun perbincangan Nurul Hudani Md. Nawi, Marof Redzuan & Noor Hisham Md. Nawi memfokus mengenai kepimpinan transformasi dalam kalangan pemimpin pendidik sekolah, namun, ia amat sesuai untuk digunakan sebagai penambahan maklumat dalam disiplin sejarah khususnya terhadap kepimpinan Sultan Salehuddin ibni Daeng Chelak, Sultan Selangor pertama, 1766-1782, yang merupakan pengasas atau penyumbang

utama dalam pembentukan kesultanan Selangor berkuat kuasa November 1766. Begitu juga dengan perbincangan oleh Sharifah Hayaati Syed Ismail yang begitu menarik terhadap pengurusan keluarga dan organisasi boleh dijadikan penambahan dalam maklumat disiplin sejarah khususnya pengurusan kekeluargaan serta organisasi Sultan Salehuddin. Untuk keterangan lanjut, lihat, Nurul Hudani Md. Nawi, Marof Redzua & Noor Hisham Md. Nawi (2013) dan Sharifah Hayaati Syed Ismail (Oktober 2017).

- 4 Azmi Aziz menjelaskan isu mengenai “feudalisme Melayu” tidak diaplikasikan di Tanah Melayu adalah tepat. Pandangan beliau tepat kerana baginda sultan telah menitahkan kuasa kepada tokoh-tokoh yang layak untuk menguasai sesuatu perkara sama ada dalam pentadbiran istana atau kerajaan/negeri. Perihal ini menunjukkan Tanah Melayu memiliki pentadbiran yang bersistematik merangkumi dua pendekatan iaitu istana dan kerajaan. Untuk keterangan lanjut, lihat Azmi Aziz (2012) dan Ahmad Farhan (2013 dan 2018).

RUJUKAN

- A. Samad Ahmad. 1979. *Sulalatus Salatin: (Sejarah Melayu)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman bin Ismail, Abdullah Zakaria bin Ghazali dan Zulkanain bin Abdul Rahman. 2012. *1262: Penemuan Tarikh Baru Pengasasan Empayar Kerajaan Melayu Melaka*. Batu Berendam: Kerajaan Negeri Melaka, Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia.
- Abdur-Razzaq Lubis. 2018. *Sutan Puasa Founder of Kuala Lumpur*. Penang, Malaysia: Areca Books.
- Abdullah Zakaria bin Ghazali. 1999/2000. Institusi Kesultanan Selangor. *Seri Alam* 5: 59-77.
- Abdullah Zakaria bin Ghazali. 2011. Johor dan Kepulauan Riau: Berlainan Negara Tetapi Bersaudara. *Malaysia Dari Segi Sejarah* 39: 82-90.
- Adami, G. November 1921. The True Aristocracy. *The Scientific Monthly* 13(5): 420-434.
- Ahmad Farhan Abdullah@Zakaria. 2018. Dato' Ungku Pinang Tunggal, Dato' Penggawa dan Raja Abdullah: Tokoh Pengasasan Lembangan Hulu Sungai Klang – Kuala Lumpur. *Malaysia dari Segi Sejarah* 46: 1-65.
- Ahmad Farhan bin Abdullah@Zakaria. 2013. Menyelusuri Jawatan Raja Bergelar dan Orang Besar Selangor dalam Pentadbiran Raja Selangor, 1766-1942. *Purba* 32: 54-93.
- Ahmad Farhan bin Abdullah@Zakaria. 2018. 1001 Tanda Tanya Mengenai Sejarah Kuala Lumpur: Tokoh Penghulu Terawal, Tokoh Pengasasan dan Status Entiti Politik. *Purba* 37: 109-141.
- Andaya, B. W. 1974. The Installation of the First Sultan of Selangor in 1766. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 74(1): 41-57.
- Ashton, R. August. 1969. The Aristocracy in Transition. *The Economic History Review* 22(2): 308-322.
- Azmi Aziz & Mostafa Kamal Mokhtar. 2012. Syed Hussein Alatas: Pemikiran Kolonial dan Gagasan 'Feudalisme Melayu'. *Akademika* 82(1): 21-30.
- Baltzell, E. D. 1968. Reflections on Aristocracy. *Social Research* 35(4): 635-650.
- Colonial Office (CO) 273, Straits Settlements Original Correspondence.
- CO 439, Selangor Sessional Papers.
- CO 576, Federated Malay States Sessional Papers.
- CO 717, Federated Malay States Original Correspondence.
- Dato' Ar Hajeeder Abd Majid. 20 April 2017. Forum: Pengkisahan Sejarah Kuala Lumpur (Satu Perspektif Peribadi). Sempena Pameran MYKL, Muzium Negara. Anjuran Muzium Negara, Dewan Seri Mutiara, Muzium Diraja, Kuala Lumpur, 10 Pagi, Khamis.
- Foreign and Commonwealth Office (FCO) 141, Records of Former Colonial Administrations: Migrated Archives.
- Gardner, H. 2006. *Five Minds for the Future*. Boston: Harvard Business Press.
- Gullick, J. M. 1998. *A History of Selangor 1766-1939*. Kuala Lumpur: Falcon Press.
- Khoo Kay Kim. 1985. Raja Lumu/Sultan Salehuddin: The Founding of the Selangor Dynasty. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 58(2): 1-24.
- Mohd. Yusoff Hashim. 2001. *Dari Luwu'ke Darul Ehsan: Kesultanan Selangor*. Melaka: Surya Sdn. Bhd.
- Noran Fauziah Yaakub. 1987. *Pengantar Sosiologi*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Norizan Kadir & Suffian Mansor. Oktober 2017. Reviving the Sultanate of Sulu Through its Claim over Sabah, 1962-1986. *Akademika* 87(3): 123-136.
- Nurul Hudani Md. Nawi, Marof Redzuan & Noor Hisham Md. Nawi. 2013. Pengaruh Aspek Kecerdasan Emosi Terhadap Tingkah Laku Kepimpinan Transformasi dalam Kalangan Pemimpin Pendidik Sekolah. *Akademika* 83(2&3): 3-11.
- Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (B/SUK).
- Rahimah Abdul Aziz. 1990. Perapatan Jurang: Sosiologi dan Sejarah. *Jebat* 18: 317-334.
- Raja Chulan ibni Raja Hamid (karangan). 2015. Jelani Harun (dikaji dan diperkenalkan) dan Zainal Abidin Borhan (ketua editor). *Hikayat Misa Melayu (Keturunan Peraturan Istiadat Segala Raja-Raja Yang Kerajaan Negeri Perak)*. Kuala Lumpur: RNS Publication dan Yayasan Karyawan.
- Sharifah Hayaati Syed Ismail. Oktober 2017. Mengurus antara Keluarga dan Kerjaya Organisasi: Analisis Melalui Pendekatan al-Tadayyun, al-Maqasid dan al-Wasatiyyah. *Akademika* 87(3): 195-206.
- Tengku Dato' Dr. Jamaluddin bin Tengku Mahmud Shah, Tengku Orang Kaya Maha Bijaya Sepang, Orang Besar Daerah Sepang, 2005-kini. 2014. Bilik Orang Besar Daerah Sepang, Pejabat Daerah/Tanah Sepang. Temu bual, 6 Februari.

Zaharah Sulaiman, Wan Hashim Wan Teh dan Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman. 2016. *Asal Usul Melayu, Induknya di Benua Sunda*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Ahmad Farhan Abdullah Zakaria
Program Sejarah, Pusat Dasar dan Governans Global,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
Bangi, Selangor Darul Ehsan.
Malaysia
E-mail: afaz@siswa.ukm.edu.my

Mohd. Samsudin
Program Sejarah, Pusat Dasar dan Governans Global,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
Bangi, Selangor Darul Ehsan.
Malaysia
E-mail: moss@ukm.edu.my

Received: 23 July 2018

Accepted: 20 May 2019

